

SOALAN NO: 97

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
KAWASAN : BAKRI**

SOALAN:

YB TUAN ER TECK HWA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah rancangan untuk menaik taraf Jalan Bakri ke Yong Peng akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran daripada Jalan Bakri ke Yong Peng merupakan Jalan Persekutuan FT24. Semakan berdasarkan kepada Pelan Induk Rangkaian Jalan Raya (HNDR) (2008 - 2020) mendapati bahawa **tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut.**

Selain itu, berdasarkan kepada stesen banci terhampir iaitu JR609 dan JR104 yang terletak di FT24, didapati bahawa *Level of Service* di kedua-dua stesen tersebut berada pada **tahap LOS A** yang bermaksud aliran trafik adalah sangat lancar (freeflow) dengan purata 16 jam trafik sebanyak 6,282 dan 16,289 masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, cadangan menaiktaraf jalan tersebut **tiada dalam senarai permohonan keutamaan Negeri** buat masa ini, di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 98

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK EWON EBIN (RANAU)

RUJUKAN : 10668

SOALAN :

PR-1361-T02215

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) sama ada Akta Aksem 2017 (Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 - Akta 799) akan diperluaskan ke negeri Sabah termasuk Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah - ESSCOM dan berapa ramaikah anggota rela yang ditugaskan untuk membantu agensi keselamatan dalam ESSCOM; dan

(b) adakah mereka (Anggota RELA) ini telah diberikan latihan keselamatan sepenuhnya termasuk penggunaan senjata api.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha utama yang telah dilaksanakan Kerajaan adalah dengan mewujudkan kerjasama strategik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Melalui inisiatif ini, ATM dan PDRM bekerjasama dalam melaksanakan kawalan dan operasi di sempadan negara mengikut kawasan tanggungjawab masing-masing seperti yang telah dipersetujui bersama. Kerjasama ATM-PDRM ini telah berjaya dilaksanakan secara sistematik dalam usaha memperkasakan keselamatan dan pertahanan negara.

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang telah ditubuhkan melalui naik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Malaysia adalah salah satu inisiatif yang telah diambil Kementerian bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan di sempadan darat negara. AKSEM terdiri dari gabungan antara PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu pasukan petugas dilihat dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan, holistik dan bersepadu dalam membendung jenayah rentas sempadan di sempadan Malaysia – Thailand.

AKSEM sedang dalam proses meluaskan operasi ke Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan Akta AKSEM 2017. Namun begitu, peluasan operasi AKSEM di sempadan darat negara di Sabah dan Sarawak hanya dapat dilaksanakan menjelang tahun 2020 setelah beberapa isu berkaitan dasar keselamatan dengan kerajaan negeri dan juga hal berkaitan penyusunan kekuatan tenaga kerja AKSEM bagi tujuan tersebut diselesaikan. Pada ketika ini, isu-isu pembanterasan penyeludupan barangan di Sabah dilaksanakan melalui kerjasama strategik NBOS PDRM – ATM dan juga penugasan pasukan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOMM) di kawasan *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE).

LOKASI PENUGASAN RELA DAN JUMLAH ANGGOTA DI SABAH

BIL	DAERAH	LOKASI	BIL. ANGGOTA (24 ANGGOTA DI SETIAP LOKASI)
1.	Lahad Datu	i. Tanjung Labian ii. Cenderawasih iii. Desa Kencana iv. Anjung Teduh	96
2.	Tawau	i. Mentadak Baru ii. Bergosong iii. Wallace Bay	72
3.	Sandakan	i. Batu Putih ii. Gum-Gum	48
4.	Semporna	i. Inabah Kamal ii. Pulau Bum-Bum	48
5.	Nabawan *Bukan daerah Esszone	i. Kg Pegalungan ii. Kg Bantul	48
6.	Beluran	i. Paitan ii. Jaya Bakti	48
7.	Kunak	i. Dasar Baru ii. Kunak 3	24
8.	Kinabatangan	i. Dagat	24
9.	Kota Marudu	i. Talantang	24
10.	Kudat	i. Pekan Kerakit	24
11.	Pitas	i. Kanibongan	24
11 DAERAH		21 LOKASI	504 ORG. RELA

SOALAN (99)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. EWON BIN EBIN
[RANAU]

SOALAN :-

YB DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- a) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk membina Projek Perumahan Rakyat (terutama sekali rumah PPR jenis "Rent To Own") di kawasan Ranau selaras dengan sasaran Kerajaan untuk membina 1 juta rumah PPR menjelang tahun 2018; dan
- b) berapa ramaikah pemohon program Mydeposit yang diluluskan di negeri Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum ada cadangan pembangunan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu termasuk pelaksanaan Skim *Rent to Own* (RtO) PPR di kawasan Parlimen Ranau. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tiada halangan sekiranya pihak Kerajaan Negeri Sabah mempunyai cadangan untuk melaksanakan projek PPR di kawasan Parlimen Ranau dan boleh mengemukakan cadangan tapak yang sesuai kepada Kementerian untuk pertimbangan. Namun begitu pelaksanaan pembangunan adalah tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31 Disember 2017, seramai 45 orang penerima daripada negeri Sabah telah diluluskan insentif

268

Skim MyDeposit dengan jumlah sumbangan deposit oleh Kerajaan sebanyak RM1.28 juta.

Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018